

SIRI 101

MENGENALI BELANJAWAN NEGARA

HASIL PENYELIDIKAN

REFSA

Apa itu belanjawan negara?



Sebuah dokumen yang disediakan oleh kerajaan yang menerangkan jumlah wang yang akan digunakan setiap tahun.

Segala hasil yang diperolehi kerajaan dalam bentuk cukai, royalti petroleum dan duti eksais akan dibelanjakan bagi menampung keperluan rakyat seperti perkhidmatan kesihatan, pendidikan, pekerjaan, pertahanan dan pembangunan negara.

Di parlimen, belanjawan dirujuk sebagai Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan. RUU ini mengandungi butiran dan anggaran belanja bagi semua kementerian, program kerajaan dan perjawatan.

Adakah Ucapan Belanjawan Menteri Kewangan merupakan Belanjawan sebenar?



Ramai yang masih keliru dan tidak faham perbezaan ucapan belanjawan dan dokumen belanjawan yang sebenar.

Ucapan Belanjawan

Dokumen Belanjawan

Kandungan

Hanya memfokuskan kepada pencapaian kerajaan berbanding butiran anggaran belanjawan.

Mengandungi butiran anggaran belanjawan secara spesifik berdasarkan kementerian dan program.

Tujuan

Naratif politik untuk menunjukkan imej positif kerajaan kepada media.

Memperincikan program ekonomi secara menyeluruh untuk perancangan ekonomi negara.

Proses perbahasan RUU Perbekalan (1)

01



UCAPAN BELANJAWAN

Menteri Kewangan membentangkan ucapan Belanjawan di Dewan Rakyat. Secara tradisinya, ucapan Belanjawan diadakan pada waktu petang, hari Jumaat. Ucapan ini boleh mengambil masa lebih daripada dua jam. Sidang parlimen akan ditangguhkan sehingga hari Isnin untuk perbahasan.

PERBAHASAN PERINGKAT DASAR

Hari pertama sidang parlimen selepas ucapan Belanjawan, ahli parlimen akan membahaskan RUU Perbekalan. Ahli parlimen akan membawa isu rakyat dan politik di peringkat ini, tanpa menyentuh secara terperinci mengenai butiran belanjawan.


Selepas ahli parlimen selesai membahaskan, menteri akan menggulung perbahasan dengan memberi jawapan kepada isu-isu yang dibangkitkan wakil rakyat ketika sesi perbahasan.

02



Proses perbahasan RUU Perbekalan (2)

03 PERBAHASAN PERINGKAT JAWATANKUASA



Pada peringkat ini, ahli parlimen akan membahaskan butiran-butiran anggaran belanjawan bagi setiap kementerian secara khusus. Speaker boleh mempertukan sekurang-kurangnya 20 hari untuk ahli parlimen mengambil bahagian di peringkat Jawatankuasa. Setelah menteri selesai menggulung, undian akan dilakukan.

PERBAHASAN DI DEWAN NEGARA

Senator akan membahas RUU Perbekalan di peringkat dasar dan jawatankuasa. Tempoh perbahasan di Dewan Negara selalunya lebih singkat berbanding Dewan Rakyat.

04



05 MENDAPAT PERKENAN DARIPADA YANG DI-PERTUAN AGONG SELEPAS BELANJAWAN DILULUSKAN PADA BACAAN KETIGA DI DEWAN NEGARA.





Dokumen Penting Rujukan Belanjawan Negara

Terdapat empat dokumen atau rujukan penting untuk Belanjawan negara, yang boleh diakses di laman sesawang Kementerian Kewangan.

ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

Maklumat terperinci mengenai hasil kerajaan seperti: cukai langsung dan tidak langsung, cukai jualan dan eksais.

LAPORAN TINJAUAN EKONOMI

Mengandungi anggaran perbelanjaan semasa kerajaan dan analisis mengenai belanjawan akan datang.

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN MENGURUS

Terdiri daripada:

Perbelanjaan mengurus, iaitu perbelanjaan pentadbiran negara seperti gaji, subsidi pengguna dan serahan kepada kerajaan negeri; dan

Perbelanjaan pembangunan: Peruntukan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan infrastruktur seperti membina hospital.

SENARAI PERJAWATAN

Menyenaraikan secara terperinci bilangan dan gred perkhidmatan awam bagi setiap kementerian.